







Najman (kiri) menyerahkan replika cek pembayaran perkongsian keuntungan usaha sama kepada Nor Azam (kanan) sambil diperhati Ahmad Samsuri di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu hari ini.

# TDM bayar perkongsian keuntungan RM1.87 juta kepada LTAWNT

Oleh MOHD AZLI ADLAN   27 Oktober 2021, 4:40 pm

KUALA TERENGGANU – Kumpulan TDM Berhad yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri Terengganu melunaskan pembayaran perkongsian keuntungan usaha sama berjumlah RM1.87 juta kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin, berkata, pembayaran tersebut merupakan keuntungan usaha sama terhadap ladang kelapa sawit seluas 1,336 hektar di Air Putih, Kemaman bagi tahun kewangan 2020.

“TDM menguruskan ladang kelapa sawit milik LTAWNT sejak tahun 1996. Walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik Covid-19, kita telah menunjukkan ketahanan dengan menampilkan prestasi cemerlang dalam segmen perladangan.

“Hasilnya TDM dapat menjana perkongsian keuntungan lebih besar untuk dibayar kepada LTAWNT iaitu RM1.87 juta berbanding RM1.05 juta pada tahun sebelumnya,” katanya di sini hari ini.

Terdahulu beliau ditemui selepas menyerahkan cek pembayaran perkongsian keuntungan usaha sama tersebut kepada Setiausaha LTAWNT, Nor Azam A. Rahman @ Yusof pada majlis yang disaksikan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar.

Najman berkata, secara keseluruhannya, segmen perladangan TDM mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM24.8 juta pada tahun kewangan 2020.

Jelas beliau, ia merupakan pemulihan luar biasa berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM24.5 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2019.

“Selain didorong oleh kenaikan harga purata minyak sawit mentah (CPO) dan isirong sawit (CPO), prestasi cemerlang itu jug disumbang oleh pelan perniagaan strategik dan amalan pengurusan risiko berhemah diamalkan TDM sepanjang penularan Covid-19,” katanya. – K! ONLINE






Hub of Innovative Products
Storming Gravity

POPULAR


**TDM bayar perkongsian keuntungan RM1.87 juta kepada LTAWNT**
27 Oktober 2021, 4:40 pm


**Peniaga rugi gajah ‘pecah masuk’ kedai**
27 Oktober 2021, 4:37 pm



**Sasterawan Negara Kemala meninggal dunia**
27 Oktober 2021, 4:35 pm


**Sidang kemuncak IMT-GT rangka dasar pulih ekonomi serantau**
27 Oktober 2021, 3:59 pm

